

Dzuriaty terima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang



Kota Samarahan: Siapa sangka hanya dalam tempoh empat tahun, seorang kakitangan muda Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dipilih menjadi antara kakitangan cemerlang.

Itu yang dibuktikan Dzuriaty Siri-ee, 29, yang menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang UNIMAS 2011, selepas menunjukkan prestasi kerja cemerlang.

Anak kelahiran Petra Jaya yang bertugas di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan berkata, sebaik menamatkan pengajian di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), beliau berhasrat kembali ke Bumi Kenyalang.

Mengimbu kembali pengajiannya dalam bidang Zoologi antara

2001 hingga 2005, beliau mempunyai pilihan bertugas di Semenanjung namun hatinya berada di kampung halaman.

“Ada kala memang terasa tekanan namun kerana mahu menyumbang kembali kepada masyarakat, saya kuatkan semangat melaksanakan apa yang terdaya”

Dzuriaty Siri-ee,
Kakitangan UNIMAS

“Saya antara penerima biasiswa Yayasan Tuanku Abdul Rahman di bawah Yayasan Sarawak, terhitung budi dengan kerajaan negeri.

“Disebabkan itu saya memilih kembali ke Kuching sebelum memilih UNIMAS sebagai tempat mengembangkan karier masa depan,” kata anak kedua daripada tiga beradik ini.

Rutin hariannya adalah bagi memastikan aspek pengurusan fakulti yang terletak di

Jalan Tun Ahmad Zaidi Adruce berjalan lancar dan pelajar mendapatkan kemudahan ditetapkan.

Pada masa sama, beliau perlu

membantu pensyarah menyediakan peralatan dikehendaki ketika mereka mengajar di makmal perubatan.

Dzuriaty berkata, tugas hariannya memang sibuk kerana selain menguruskan aspek pengurusan, beliau turut terbabit mengajar secara tidak langsung.

“Ada kala memang terasa tekanan namun kerana mahu menyumbang kembali kepada masyarakat, saya kuatkan semangat melaksanakan apa yang terdaya.

“Walaupun bukan kelulusan perubatan, saya mempunyai pengetahuan dalam bidang ini. Oleh itu, saya turut mengajar pelajar dalam kursus yang saya mahir,” katanya.

Beliau berkata, bagi meredakan ketegangan, beliau banyak tersenyum dan sentiasa berfikiran positif bagi menjadikan kerjanya sentiasa menyeronokkan.

Dzuriaty yang bercita-cita menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi berharap dapat melakukannya dalam tempoh terdekat.

Dzuriaty menunjuk Anugerah Perkhidmatan Cemerlang UNIMAS 2011.

[FOTO MICHEAL SERING/BH]